

Kerahan Tenaga Dan Kesetiaan Masyarakat Cina Di Malaya 1948-1960

Oleh

Chan Moi

Latihan Ilmiah

untuk memenuhi

sebahagian daripada keperluan syarat-syarat

Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Sidang Akademik 1988/89

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

1989

## KANDUNGAN

Penghargaan	iii - iv
Senarai Kependekan	v
Bab 1 : Pengenalan	1 - 6
Bab 2 : Latar belakang	7 - 22
Bab 3 : Peraturan Tenaga Manusia 1951-1952 di Persekutuan	23 - 40
Bab 4 : Ordinan Kerahan Tenaga di Persekutuan (1952) dan di Singapura (1954)	41 - 79
Bab 5 : Kesimpulan	80 - 87
Lampiran	88 - 101
Bibliografi	102 - 112

Penghargaan

Sementara menulis Latihan Ilmiah ini, saya amat bertuah kerana mendapat pertolongan dan sokongan daripada ramai orang dan beberapa institusi yang berkenaan.

Pertama sekali, saya terhutang budi kepada penyelia saya, Dr. R. Suntharalingam yang sentiasa bersedia untuk memberi galakan, nasihat dan bimbingan yang berharga kepada saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Cheah Boon Kheng dan Dr. Paul Kratoska yang sudi membantu saya mendapat peluang menggunakan kemudahan rujukan di Arkib Negara dan Jabatan Sejarah Lisan Singapura serta Perpustakaan Pusat NUS. Dorongan dan nasihat mereka turut dihargai.

Terima kasih juga ditujukan kepada mereka yang telah memberi beberapa maklumat yang berguna kepada kajian ini melalui temubual.

Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada kakitangan institusi berikut yang sudi membantu saya: Perpustakaan USM, Perpustakaan NUS, Perpustakaan Nasional Singapura, Perpustakaan New Straits Times dan Unit Bahan Sumber MCA di ibu pejabat MCA, Arkib Negara dan Jabatan Sejarah Lisan Singapura dan Arkib Negara Malaysia.

Akhir sekali, saya ingin menunjukan penghargaan saya kepada bapa saya yang telah memberi sokongan moral, galakan serta pertolongan untuk menjayakan kajian ini.

Chan Moi

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

Februari, 1989

Pendekan

AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
CCC	Chinese Chamber of Commerce
FLC	Federation Legislative Council
KMT	Kuomintang
KMTM	Parti Kuomintang Malaya
KVHG	Kinta Valley Home Guard
MCA	Malayan Chinese Association
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MTUC	Malayan Trade Union Congress
NSM	National Salvation Movement
PKC	Parti Komunis China
PKM	Parti Komunis Malaya
SCBA	Straits Chinese British Association
SLC	Singapore Legislative Council
SYC	Singapore Youth Council

Ternyata matlamat tersurat kerahan tenaga di bawah Peraturan Tenaga Manusia ialah menambahkan kekuatan tenaga untuk mematahkan pemberontakan komunis secara berkesan. Namun begitu, sepertimana yang dapat diperhatikan di dalam Ordinan Kerahan Tenaga di Persekutuan Tanah Melayu (1952) dan di Singapura (1954), mahupun Peraturan Tenaga Manusia, kerahan tenaga mempunyai makna dan implikasi yang lebih besar kerana ia juga merupakan suatu alat pembangunan negara.

Sebelum Perang Dunia Kedua, Malaya hanya merupakan suatu pernyataan geografi sahaja, tanpa sebarang identiti kebangsaan yang sama ataupun keselarasan pentadbiran. Namun tahun 1950an menampakkan proses pembangunan negara-bangsa Malaya yang semakin giat menuju ke arah pemerintahan diri dan akhirnya kemerdekaan. Ketika Darurat sampai ke kemuncaknya pada awal tahun 1950an, kerajaan kolonial telah menyedari hakikat bahawa semua kaum perlu disatupadukan menjadi satu negara-bangsa tunggal sekiranya kerajaan ingin mengubah sikap apati kaum bukan Melayu, khasnya kaum Cina dan memikat hati penyokong potensi PKM.<sup>3</sup>

Kerahan tenaga merupakan suatu rangsangan kuat untuk membina kesedaran kebangsaan di kalangan penduduk berbilang kaum yang menetap di Malaya.<sup>4</sup> Malangnya perlaksanaannya tidak mengekal dan oleh itu kesannya adalah terhad, oleh kerana wujudnya masalah pentadbiran atau kewangan. Sementara itu, sebagai sebuah negara yang menuju ke arah pemerintahan diri, Malaya haruslah membina

angkatan tenteranya sendiri untuk menentang ugutan dari luar negeri dan menghapuskan keganasan komunis dari dalam negeri.

Di samping itu, memandangkan 45 peratus penduduk di Malaya terdiri daripada kaum Cina pada ketika itu, maka pertambahan bilangan ahli yang memadai di dalam angkatan keselamatan tentu akan menambah kekuatan dan keberkesannya di dalam pelaksanaan tugas keselamatan. Perselisihan yang kerap berlaku di antara penduduk kampung Cina dan polis Melayu kerana halangan bahasa jelas menunjukkan keperluan mengadakan lebih ramai polis Cina.<sup>5</sup> Namun demikian, oleh sebab beberapa faktor yang berkenaan, kaum Cina tidak bereaksi kepada kerahan tenaga di bawah Peraturan Tenaga Manusia atau Ordinan Kerahan Tenaga sepertimana yang diharapkan daripada mereka.

Maka timbullah perasaan syak wasangka terhadap masyarakat Cina kerana ketidaksungguhan mereka untuk melibatkan diri di dalam perkhidmatan keselamatan untuk menentang pemberontak komunis. Pemergian beramai-ramai pemuda-pemudi semasa pengerahan tenaga dikuatkuasakan di Persekutuan pada tahun 1951 dan kemudiannya di Singapura pada tahun 1954 telah menjadikan seluruh masyarakat Cina disyaki sama sekali sebagai tidak menunjukkan kesetiaan kepada Malaya. Pandangan seumpama ini sedikit sebanyak terus wujud hingga kini. Adakah pandangan ini wajar dan tepat?

Sejauh mana yang diketahui, kajian mengenai kerahan tenaga dan kesetiaan masyarakat Cina adalah jauh dari memuaskan. Isu kerahan tenaga pernah disebutkan di dalam beberapa buku sejarah Malaya, namun liputannya adalah sangat terhad dan sepintas lalu sahaja.<sup>6</sup> Kebanyakannya tidak dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat mengenai isu kerahan tenaga yang berkenaan.

Sebagai contohnya, Anthony Short, di dalam bukunya, The Communist Insurrection in Malaya dan James P. Ongkili, di dalam bukunya, Nation Building in Malaysia 1946-1974, telah menyalahkan akhbar-akhbar bahasa Cina kerana tidak memberi kritikan dan cadangan yang membina untuk menggalakkan pemuda Cina menyertai perkhidmatan polis dan tentera. Pandangan mereka ini perlu diperlihatkan semula. Namun demikian, Heng Pek Koon, di dalam bukunya, Chinese Politics in Malaysia: A History of the MCA, dapat memberi suatu liputan yang lengkap berkenaan dengan peranan MCA untuk mendapatkan ramai kaum Cina menyertai perkhidmatan Home Guard dan angkatan keselamatan, sungguhpun beliau tidak menyentuh tentang Peraturan Tenaga Manusia dan kerahan tenaga di Singapura pada tahun 1954.

Oleh itu, tujuan kajian ini ialah mengkaji sambutan dan penyertaan masyarakat Cina di dalam kerahan tenaga sejak tahun 1951 hingga tahun 1954 dan seterusnya memperlihatkan proses perubahan sikap kaum Cina tentang kesetiaan mereka terhadap Malaya pada masa Darurat serta faktor-faktor yang membawa perubahan ini.



Sejak kebelakangan ini, persoalan kaum Cina tidak melibatkan mereka secara aktif di dalam kerahan tenaga dan oleh itu mereka adalah kurang setia kepada Malaya masih ditimbulkan.<sup>7</sup> Justeru itu, subjek ini adalah penting untuk mengisi suatu kekosongan di dalam sejarah Malaya yang berhubungan dengan salah satu masyarakat utama di negara ini. Adalah diharapkan kajian ini dapat membetulkan pandangan yang kurang wajar dan tepat mengenai kesetiaan kaum Cina terhadap negara ini pada masa Darurat.

*Malayan Chinese Labourers and the Political Process in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967, hal. 19.

*Legislative Council Sessional Paper No. 23 of 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hal. 9.

*Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1952, hal. 16.

*John C. Farnhill, A History of Singapore 1819-1911*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960, hal. 249; Virginia Thomson dan Richard Wiloff, *Minority Problems in South-east Asia*, Stanford University Press, 1966, hal. 111 dan Yun die Koo, *Political Development in Singapore 1945-1959*, Singapore: Singapore University Press, 1961, hal. 191.

*Utah Straits Times*, 16 September 1967, (The National Service) No. 21.

NOTA KAKI

- 1 Utusan Malaysia, (M) Berhad telah memilih tajuk 'Sejauh manakah kesetiaan warga bukan Melayu terhadap negara ini?' untuk ruangan Perpaduan Pendapat Bukan Melayu yang disiarkan setiap hari Sabtu mulai 6 Jun 1987.
- 2 Lihat Singapore Tiger Standard, 16 Mei 1954, laporan berkenaan ulasan South China Morning Post, sebuah akhbar di Hong Kong, tentang demonstrasi pelajar di Singapura. Akhbar ini mencadangkan tindakan pelajar Cina menentang kerahan tenaga sebagai tanda kekurangan kesetiaan terhadap Mahkota British.
- 3 K.J. Ratnam, Communalism and the Political Processes in Malaya, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1965, hal. 19.
- 4 National Service, Legislative Council Sessional Paper No. 39 of 1953, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hal. 3.
- 5 Federation of Malaya Annual Report 1952, Kuala Lumpur: Government Printer, 1952, hal. 16.
- 6 Lihat C.M. Turnbull, A History of Singapore 1919-1975, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, hal. 245; Virginia Thompson dan Richard Adloff, Minority Problems in South-east Asia, Stanford University Press, 1955, hal. 33; dan Yeo Kim Wah, Political Development in Singapore 1945-1955, Singapore: Singapore University Press, 1973, hal. 193.
- 7 Lihat Straits Times, 14 September 1988, 'No National Service: Dr. M'.